

21 FEB 2000

MAHATHIR-KDNK/I

KDNK 1999 AKAN LEBIH DARIPADA 4.3 PER, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dijangka melebihi ramalan 4.3 peratus pada pembentangan Belanjawan 2000 tahun lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hari ini.

"Terdapat kemungkinan mencapai lebih sedikit daripada itu," katanya merujuk kepada unjuran 4.3 peratus yang dibuat semasa Belanjawan 2000 yang dibatalkan yang dibentangkan pada 29 Okt 1999.

Bercakap pada persidangan akhbar selepas pelancaran Ericsson Mobile Communications Sdn Bhd, dekata sini, katanya belanjawan 2000 yang akan dibentang semula pada 25 Feb 2000, adalah ulangan belanjawan yang dibentangkan pada 29 Okt tahun lalu itu.

Beliau berkata pembentangan belanjawan akan datang tidak akan mengandungi pengumuman baru dan ini akan termasuk tiada lagi pemotongan cukai korporat, yang kini pada 28 peratus.

Ditanya mengenai pelaburan asing berikutan langkah-langkah kawalan tukaran wang berpilih-pilih, Dr Mahathir berkata para pelabur asing patut mengambil kesempatan daripada penetapan nilai ringgit pada 3.80 setiap satu dolar AS.

Perdana Menteri menasihati para pelabur asing supaya melabur semasa ringgit adalah rendah dan menambah bahawa Malaysia tiada cadangan untuk mengubah nilai ringgit itu.

Dr Mahathir berkata walaupun wujudnya kawalan tukaran wang, Malaysia agak berjaya menarik pelaburan asing berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini.

Mengenai hal lain beliau berkata kerajaan akan memperkenalkan undang-undang bagi menggalakkan tolak ansur terhadap kegagalan perniagaan dan mengambil risiko di kalangan pemodal teroka dan bank supaya menyokong dan memupuk inovasi di dalam projek-projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Katanya kerajaan tidak mahu pengamal inovasi dilemahkan semangat apabila dihukum kerana gagal.

"Kita mahu memudahkan bagi kegagalan supaya kembali dan mendapat peluang kedua," kata Dr Mahathir.

Selain daripada undang-undang, katanya, penggalakan supaya bertolak ansur dengan kegagalan perniagaan termasuk dasar-dasar dan arahan-arahan kepada institusi-institusi kewangan. -- BERNAMA

AD KTC OS